

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 17.5.2016

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah permohonan guru besar bagi memegang jawatan politik. Nyatakan mengikut pecahan negeri, daerah, parti politik, jawatan dan kelulusan permohonan. Apakah jaminan tahap pendidikan dan keselamatan sekolah dapat dipastikan oleh guru besar yang memegang jawatan di dalam parti politik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelibatan guru dalam politik tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan semasa Kerajaan yang hanya membenarkan guru akademik biasa dalam gred DG41 hingga DG48 yang tidak memegang apa-apa jawatan dalam pentadbiran untuk melibatkan diri secara aktif dalam bidang politik. Manakala Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) gred DG41 hingga DG48 yang memegang jawatan Pengetua atau Guru Besar atau yang memegang apa-apa jawatan pentadbiran di mana-mana institusi pendidikan dalam agensi Kerajaan tidak boleh melibatkan diri dalam aktiviti politik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2015, sebanyak 10 permohonan Guru Besar untuk mengambil bahagian dalam aktiviti politik telah diterima oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan pecahan seperti berikut:

- (i) lapan (8) permohonan diluluskan;
- (ii) dua (2) permohonan tidak diluluskan kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Berdasarkan Kajian Kementerian Pendidikan Malaysia tahun 2016 menunjukkan bahawa lebih 50 peratus responden kajian yang meliputi guru dan masyarakat tidak bersetuju dengan pelibatan guru khususnya guru yang memegang tugas-tugas pentadbiran untuk terlibat dalam politik. Oleh yang demikian, pelibatan guru dalam politik adalah tertakluk kepada peraturan sedia ada selagi tidak menjejaskan tugas hakiki profesional guru. Pemantauan terhadap guru yang terlibat dalam politik sentiasa diadakan oleh KPM dari semasa ke semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17 MEI 2016
[SELASA]

DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL
SAMAD
[PASIR GUDANG]

SOALAN :-

Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah “Rumah Urut” yang berlesen dan tidak berlesen mengikut negeri serta mekanisme yang digunakan oleh pihak Kementerian dalam mengawal pengeluaran lesen “Rumah Urut” tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-68 pada 18 September 2014 telah bersetuju supaya **UUK Spa** dijadikan **rujukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**.

Gubalan UUK Spa ini adalah bertujuan untuk menggantikan UUK Rumah Urut yang diluluskan oleh Mesyuarat MNKT Ke-32 pada tahun 1987. Antara lain, UUK Spa ini menjelaskan berkenaan pelesenan, kewajipan dan obligasi pemegang lesen serta pembatalan UUK Rumah Urut dengan berkuatkuasanya UUK Spa ini. Walau bagaimanapun, UUK Spa ini hanya boleh **diguna pakai apabila ianya diwartakan oleh PBT yang berkenaan.**